



Ringkasan

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030



WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

Penyusunan Semula Keutamaan Pembangunan Malaysia

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Setiausaha
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
Blok B5 & B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Website <http://www.mea.gov.my>
Email webmaster@mea.gov.my

Tel 603-8000 8000
Faks 603-8888 3755

Dikeluarkan pada 5 Oktober 2019

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Malaysia.



PNMB

Dicetak oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur, 2019
www.printnasionaI.com.my

Tel 603-9236 6895
Faks 603-9222 4773

DEFINISI

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.

MATLAMAT

Matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.

OBJEKTIF

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA (WKB)

2030

I

Pembangunan Untuk Semua

Menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.



**MENSTRUKTUR
EKONOMI**

2

Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan

Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.



**MENANGANI
KETIDAKSAMAAN**

3

Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.




**MEMBINA
NEGARA**

ASAS PERTIMBANGAN KEMAKMURAN BERSAMA

Isu dan cabaran berkaitan struktur ekonomi dan jurang pembangunan.



Potensi pertumbuhan ekonomi belum digembleng sepenuhnya dan dipelbagaikan



Sebahagian besar **industri** masih berada dalam **kategori nilai** ditambah yang rendah dengan tahap **penggunaan teknologi tinggi** yang rendah

Bahagian Pampasan Pekerja (CE) kepada KDNK adalah kecil



Jurang antara kumpulan **pendapatan, etnik** dan **pembangunan wilayah** semakin melebar

**Ekonomi Bumiputera
tidak berkembang
selari dengan
pembangunan negara**



**Rasuah dan salah
guna kuasa
menjejaskan
pertumbuhan dan
pengagihan ekonomi**



**Sejarah telah
membuktikan kesan
negatif sosioekonomi
menyebabkan
perpaduan
nasional terancam**



**Kegiatan monopoli
dan pencatutan
dalam pasaran**

PERTUMBUHAN EKONOMI MASIH BELUM MENCAPAI POTENSI SEBENAR


Prestasi KDNK Malaysia

Pertumbuhan KDNK Malaysia adalah lebih perlahan berbanding dengan Republik Rakyat China serta Asia Timur dan Pasifik.



KDNK mengikut Serantau dan Negara terpilih, 2000-2018

KDNK Benar, %




Kebergantungan kepada komoditi

Ekonomi Malaysia masih bergantung kepada produk komoditi yang berhadapan dengan risiko ketidaktentuan harga dan boleh mengakibatkan kegawatan ekonomi.



Nilai Eksport Mengikut Produk Utama,
1989, 1998 dan 2018



Peratusan eksport produk petroleum dan gas meningkat daripada 6% (1998) kepada 15.5% (2018)


PENGUNAAN TEKNOLOGI MASIH RENDAH DALAM INDUSTRI PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN

Walaupun sektor pembuatan dan perkhidmatan menyumbang hampir 79% kepada KDNK, namun tahap penggunaan teknologi tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan masih rendah, iaitu 37% dan 20%



Kadar Penggunaan Teknologi dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, 2018

Kadar Penggunaan Teknologi,
% kepada Jumlah Sektor




JURANG PENDAPATAN ANTARA PEKERJA DAN PEMILIK MODAL MASIH BESAR

Bahagian Pampasan Pekerja (CE) kepada KDNK di Malaysia masih rendah iaitu 35.7% berbanding negara maju



Bahagian (CE) kepada KDNK di Malaysia berbanding negara maju, 2018

Bahagian (CE),
% kepada KDNK



ISU UTAMA



Kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing

72.8%

Pekerja berkemahiran rendah dan separuh mahir dalam pasaran buruh masih tinggi



Usaha meningkatkan kemahiran pekerja masih terhad



Pelaburan dalam automasi masih rendah


JURANG PENDAPATAN PENENGAH BULANAN ANTARA KUMPULAN ISI RUMAH T20 DAN B40 YANG SEMAKIN MELEBAR

Jurang pendapatan penengah kumpulan T20 - B40 telah meningkat daripada RM1,935 pada 1989 kepada RM10,148 pada 2016



Nilai Jurang Pendapatan Penengah Isi Rumah mengikut Kumpulan Pendapatan Isi Rumah T20 – B40

Pendapatan Penengah
Bulanan Isi Rumah, RM




- Pendapatan Kumpulan Isi Rumah T20
- Pendapatan Kumpulan Isi Rumah B40

JURANG PENDAPATAN ANTARA KUMPULAN ETNIK TERUS MELEBAR

Jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan etnik Bumiputera dan Cina adalah RM497 pada tahun 1989, meningkat hampir 4 kali ganda kepada RM1,736 pada tahun 2016



Nilai Jurang Pendapatan Penengah antara Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik Bumiputera dan Cina, 1989-2016




- Pendapatan Isi Rumah Cina
- Pendapatan Isi Rumah Bumiputera

Jurang pendapatan penengah bulanan antara kumpulan etnik India dan Cina juga melebar sebanyak 4 kali ganda daripada RM286 pada tahun 1989 kepada RM1,154 pada tahun 2016



Nilai Jurang Pendapatan Penengah antara Isi Rumah mengikut Kumpulan Etnik India dan Cina, 1989-2016



- Pendapatan Isi Rumah Cina
- Pendapatan Isi Rumah India


BUMIPUTERA MASIH KETINGGALAN DALAM BIDANG PEKERJAAN PROFESIONAL TERPILIH

Kesemua bidang profesional terpilih kecuali doktor gigi didominasi oleh kumpulan etnik bukan Bumiputera



Bumiputera dalam Profesion Berdaftar Terpilih, 2010 dan 2014


% daripada Jumlah




SUMBANGAN PKS BUMIPUTERA PADA PERTUMBUHAN EKONOMI MASIH RENDAH



Purata nilai ditambah oleh PKS Bumiputera rendah berbanding nilai ditambah PKS bukan Bumiputera



PKS Bumiputera




PKS Bukan Bumiputera

SUMBANGAN PENDAPATAN BUMIPUTERA KEPADA KDNK MASIH KECIL

Walaupun sumbangan pendapatan Bumiputera kepada KDNK adalah 46%, namun sumbangan sebenar adalah hanya 28% jika tidak mengambil kira sumbangan GLC



Sumbangan Pendapatan Bumiputera
kepada KDNK, 2014



¹ Termasuk pendapatan Cukai dan Subsidi

² Lebihan Kendalian Kasar (GOS)


³ Bahagian Pampasan Pekerja (CE)

JURANG PEMBANGUNAN ANTARA WILAYAH SEMAKIN MELEBAR

Jurang pendapatan penengah isi rumah bandar dan luar bandar semakin melebar hampir 6 kali ganda dalam tempoh 27 tahun




Nilai Jurang Pendapatan
Penengah Isi Rumah
Bandar-Luar Bandar, RM



WP Kuala Lumpur dan Selangor sahaja telah menyumbang hampir 40% kepada KDNK negara berbanding lima negeri terpilih



Sumbangan KDNK Negeri, %



RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA MENJEJASKAN PERTUMBUHAN DAN PENGAGIHAN EKONOMI



**RM1.1
TRILION**

Perolehan Kerajaan untuk pembangunan, bekalan dan perkhidmatan selama 20 tahun RMKe-7 sehingga RMKe-10



**LEBIH
50%**

Anggaran kontrak yang diberikan kepada golongan Bumiputera bagi tempoh 20 tahun



**KURANG
9%**

Sumbangan PKS Bumiputera kepada KDNK pada 2015



KESAN RASUAH

Agenda Bumiputera telah dibelenggu oleh amalan rasuah serta pemesonan pengagihan dalam rantaian bekalan daripada tujuan asal untuk memperbaiki keadaan ekonomi Bumiputera.

PRINSIP PANDUAN WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

WKB telah menetapkan 15 Prinsip Panduan yang mengambil kira pelbagai kerangka pemikiran, pandangan dan falsafah yang terangkum dalam konteks sosiobudaya masyarakat Malaysia yang unik sebagai panduan kepada penyediaan teras strategik dan pemboleh daya serta pencapaian sasaran

I

Pembangunan
untuk
Semua

2

Menangani
Jurang
Kekayaan &
Pendapatan

3

Negara Bersatu,
Makmur &
Bermaruah



Kemakmuran
Berterusan



Kesaksamaan
Keberhasilan



Pertumbuhan
Saksama



Ekonomi
Teragih



Keterangkuman



Masyarakat
Peribelajar



Ekonomi Masa
Hadapan



Pendekatan
Ekonomi Keperluan



Ekonomi Politik
Berinstitusi



Model
Kesenepaduan Sosial



Paksi
Ekonomi Asia



Demokrasi dan
Kestabilan



Integriti & Tadbir
Urus Yang Baik



Perpaduan dalam
Kepelbagaian



Kedaulatan dan
Kelestarian

TERAS STRATEGIK

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

2030



TERAS
STRATEGIK

I

EKOSISTEM PERNIAGAAN & INDUSTRI

Contoh Sasaran:

- PKS dan perniagaan mikro menyumbangkan 50% kepada KDNK
- Mewujudkan 30% daripada jumlah syarikat PKS dalam bidang teknologi tinggi yang intensif dalam pembuatan dan perkhidmatan subsektor
- Sekurang-kurangnya 20% PKS Bumiputera dalam setiap subsektor berintensifkan teknologi tinggi
- PKS Bumiputera menyumbang sebanyak 20% kepada KDNK



TERAS
STRATEGIK

2

AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA

Contoh Sasaran:

- Pelaburan dalam jentera dan peralatan adalah 2/5 daripada jumlah pelaburan
- Sumbangan subsektor berteknologi tinggi kepada sektor berkaitan meningkat:
 - Pembuatan: 50%
 - Perkhidmatan: 30%
- Malaysia membina sektor baru utama yang kukuh seperti berikut:
 - Hub Kewangan Islam 2.0
 - Komoditi 2.0
 - Tenaga Boleh Baharu
 - Pusat Kecemerlangan
 - Ekonomi Hijau
 - Hub ASEAN



TERAS
STRATEGIK

3

MODAL INSAN

Contoh Sasaran:

- 35% pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga
- Majoriti tenaga kerja dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan sektor ekonomi masa hadapan adalah Bumiputera
- 40% latihan HRDF merupakan kemahiran yang berkait dengan 4IR
- Sekurang-kurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET
- Penawaran program di universiti dan institut latihan akan diselaraskan dengan kehendak dan keperluan industri
- Meningkatkan pekerja tempatan dan Bumiputera dalam pengurusan dan profesional MNC



TERAS STRATEGIK

4

PASARAN BURUH & PAMPASAN PEKERJA

Contoh Sasaran:

- Pasaran buruh Malaysia bebas daripada diskriminasi ke atas umur, gender, etnik, dan agama
- Purata kenaikan gaji kepada ¼ nilai produktiviti meningkat setiap tahun
- Tindakan sabotaj ekonomi dan diskriminasi ditangani
- Meningkatkan pertumbuhan produktiviti buruh selari dengan kualiti teknologi dalam industri mengikut sektor
- Pengurangan jumlah pekerja asing dengan menetapkan ambang mengikut sektor tenaga kerja
- Meningkatkan sumbangan bahagian pampasan pekerja (CE) Bumiputera kepada KDNK



TERAS STRATEGIK

5

KESEJAHTERAAN SOSIAL

Contoh Sasaran:

- Kesamaan nisbah gaji penengah berdasarkan merit
- Mengukur tahap kemiskinan menggunakan kemiskinan relatif
- Membina pusat jagaan harian di setiap lokaliti
- Nilai rumah mampu milik berdasarkan kos pembelian rumah berjumlah 30% daripada penengah pendapatan isi rumah di Malaysia



TERAS STRATEGIK

6

KETERANGKUMAN WILAYAH

Contoh Sasaran:

- Sistem pengangkutan awam bersepadu antara bandar ke desa
- 10 syarikat tersenarai (separuh daripada mereka adalah syarikat Bumiputera) di setiap negeri membangun
- Mengurangkan perbezaan pendapatan antara wilayah 0.5 kali
- Penilaian semula kuantiti dan kualiti tanah rizab Melayu
- Pengenalan wilayah panas ekonomi baharu khususnya di kawasan luar Lembah Kelang
- Memastikan Pelan Pembangunan infrastruktur kritikal negara (hospital, sekolah, jambatan dll) dipenuhi



TERAS STRATEGIK

7

MODAL SOSIAL

Contoh Sasaran:

Mencapai peningkatan positif bagi indeks berikut:

- Indeks Perpaduan
- Petunjuk Integriti dan Anti Rasuah
- Indeks Keharmonian Agama
- Indeks Perubahan Alam Sekitar dan Iklim
- Indeks Anti Dadah
- Indeks Pencegahan Jenayah
- Indeks Keharmonian Kejiranan
- Indeks Kesihatan Rakyat

KEBERHASILAN BUMIPUTERA TERANGKUM DALAM SEMUA TERAS STRATEGIK

CADANGAN 15 AKTIVITI PERTUMBUHAN EKONOMI UTAMA

(KEY ECONOMIC GROWTH ACTIVITIES, KEGA)



KEGA 1:
Hub
Kewangan
Islam 2.0



KEGA 2:
Ekonomi
Digital



KEGA 3:
Revolusi
Perindustrian
Keempat



KEGA 4:
Industri
Kandungan



KEGA 5:
Hub ASEAN



KEGA 6:
Hub Halal &
Makanan



KEGA 7:
Komoditi
Malaysia 2.0



KEGA 8:
Pengangkutan,
Logistik dan
Mobiliti Lestari



KEGA 9:
Ekonomi
Pesisiran &
Maritim



KEGA 10:
Pusat
Kecemerlangan



KEGA 11:
Tenaga
Boleh
Baharu



KEGA 12:
Ekonomi
Hijau



KEGA 13:
Pertanian
Pintar &
Bernilai
Tinggi



KEGA 14:
Perkhidmatan
Termaju
& Moden



KEGA 15:
*Malaysia
Truly Asia*

CADANGAN TABURAN WILAYAH EKONOMI, KEGA

PERLIS

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekopelancongan
- Pertanian bernilai tinggi
- Tenaga boleh baharu

PULAU PINANG

- Hub logistik
- Perindustrian teknologi tinggi
- Pelancongan kesihatan
- Pelancongan dan warisan
- Pusat kecemerlangan teknologi

PERAK

- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Perikanan dan penternakan berteknologi tinggi
- Industri desa
- Hub ekonomi industri kreatif

SELANGOR

- Pembuatan, automotif dan MRO
- Hub Industri 4.0 dan hi-tech park
- Pelabuhan dan logistik
- Ekonomi digital dan teknologi disruptif
- Pertanian pintar

WP KUALA LUMPUR

- Pelancongan ASIA (Gerbang ASIA)
- Hub kewangan serantau
- Hub *Islamic Fintech* 2.0

WP PUTRAJAYA


- Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
- Hub diplomatik

NEGERI SEMBILAN

- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- *Malaysia Vision Valley*
- Pertanian pintar dan bernilai tinggi

MELAKA

- Pelancongan dan pelancongan warisan
- Hub halal
- Bandar Pintar



KEDAH

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Pertanian dan penternakan moden
- Industri aeroangkasa

KELANTAN

- Ekonomi sempadan dan logistik
- Ekonomi kebudayaan dan luar bandar
- Pelancongan warisan
- Industri pembuatan desa
- Agropelancongan dan ekopelancongan

TERENGGANU

- Ekonomi komoditi dan produk hiliran
- Pelancongan pulau dan pesisir
- Ekonomi pesisir dan perikanan
- Hub pendidikan menengah
- Pemprosesan petroleum hiliran

PAHANG

- Ekopelancongan
- Ekonomi komoditi dan produk hiliran
- Perlombongan moden
- Hub pengangkutan dan logistik
- Pertanian berteknologi tinggi

SABAH


- Pelancongan pulau
- Ekonomi sempadan
- Pemprosesan petroleum hiliran
- Ekonomi komoditi dan produk hiliran
- Ekonomi komoditi dan akuakultur
- Perikanan dan akuakultur

SARAWAK

- Ekonomi komoditi dan produk hiliran
- Petroleum dan LNG
- Ekopelancongan
- Pertanian dan penternakan berteknologi tinggi
- Tenaga boleh baharu

JOHOR

- Gerbang Selat Melaka (Hub logistik dan *transshipment*)
- Ekopelancongan dan pelancongan warisan
- Hub pendidikan wilayah selatan
- Hub tanaman makanan
- Aktiviti hiliran berkaitan petroleum



LAPAN PEMBOLEH DAYA WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

Keupayaan, sumber dan pemangkin yang menyumbang kepada kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama



SASARAN KE ARAH MENCAPAI WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

Indikator Utama yang boleh diukur untuk menentukan matlamat dan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama boleh dicapai.

KDNK mencapai RM3.4 TRILION (nominal) pada tahun 2030 dengan purata kadar pertumbuhan 4.7% setahun (malar) dalam tempoh 2021-2030	BAHAGIAN PAMPASAN PEKERJA (CE) adalah 48% kepada KDNK <i>(CE pada tahun 2018, sebanyak 35.7% kepada KDNK)</i>
PENDAPATAN ISI RUMAH (HHI) HHI Penengah B : C : I 0.9 : 1 : 1 HHI B40 Penengah B : C : I 0.9 : 1 : 1 <i>Nilai Semasa</i> <i>Purata B:C = 0.72:1; I:C = 0.82:1</i> <i>Penengah B:C = 0.74:1; I:C = 0.81:1</i> <i>HHI B40 : Purata B:C = 0.77:1; I:C = 0.90:1</i>	NISBAH JURANG WILAYAH U : PT : T : SE : S : SR 1.6 : 2.0 : 1.0 : 1.4 : 1.5 : 1.2 <i>Anggaran 2020</i> <i>U : PT : T : SE : S : SR = 2.1 : 2.7 : 1.0 : 1.7 : 2.6 : 1.3</i>
GAJI/UPAH PENENGAH B : C : I 1 : 1 : 1 <i>Nilai Semasa</i> <i>Purata B:C = 0.84:1; I:C = 0.83:1</i> <i>Penengah B:C = 0.88:1; I:C = 0.82:1</i>	SUMBANGAN ENTERPRIS BUMIPUTERA sebanyak 20% kepada pendapatan negara
PKS DAN PERNIAGAAN MIKRO menyumbang 50% kepada KDNK	ASET KEWANGAN PER KAPITA B : C I : C 0.6 : 1 0.8 : 1 <i>Nilai Semasa</i> <i>B : C (Nilai semasa dianggar 0.5)</i> <i>B : I (Nilai semasa dianggar 0.7)</i>
PENILAIAN PENDAPATAN KEHIDUPAN WAJAR tidak kurang daripada RM5,800 SEBULAN untuk golongan B40	PEKALI GINI <i>pada 0.34</i>

Nota:

B – Bumiputera | **C** – Cina | **I** – India | **NB** – Bukan Bumiputera

U: Utara | **PT**: Pantai Timur | **T**: Tengah | **SE**: Selatan | **S**: Sabah | **SR**: Sarawak

PENGURUSAN POLARITI

Pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 akan meliputi semua rakyat Malaysia. Namun begitu, selaras dengan konsep kesaksamaan yang mendasari usaha ini, beberapa kumpulan akan diberikan keutamaan supaya kedudukan sosioekonomi mereka dapat dibaik pulih agar mereka tidak ketinggalan dalam usaha Kerajaan untuk mencapai sasaran WKB.

Pengurusan polariti akan berpandukan kepada penelitian terhadap kompilasi isu dan cabaran, objektif, prinsip panduan, teras strategik dan pemboleh daya serta sasaran termasuk dasar dan inisiatif tindakan afirmatif Bumiputera sedia ada di bawah agensi khusus berkaitan, agensi nasional dan negeri. Polariti yang dirangkumkan untuk mewakili pelbagai kumpulan sasaran yang menggambarkan keterangkuman WKB.



WKB PERLU MENCAPAI INDIKATOR SOSIAL DALAM MEMASTIKAN PEMBANGUNAN YANG HOLISTIK DAN MENEPATI KEHENDAK PELBAGAI BUDAYA SELARAS DENGAN IDENTITI NASIONAL

WKB harus dibangunkan selaras dengan asas dan keperluan akar umbi masyarakat bagi memastikan pembangunan yang holistik dan saksama untuk semua. Pembangunan ini berpaksikan identiti nasional yang telah mengekalkan perpaduan negara dengan nilai tambah yang positif dan berdaya maju. Beberapa indikator sosial akan dibangunkan tidak terhad kepada:

I **INDEKS
PERPADUAN**

2 **INDEKS INTEGRITI
DAN ANTI RASUAH**

3 **INDEKS
KEHARMONIAN
AGAMA**

4 **INDEKS
KESIHATAN
RAKYAT**

5 **INDEKS
PERUBAHAN IKLIM
DAN ALAM
SEKITAR**

6 **INDEKS ANTI
DADAH**

7 **INDEKS
PENCEGAHAN
JENAYAH**

8 **INDEKS
KEHARMONIAN
KEJIRANAN**

KESIMPULAN

- 1** Malaysia berdepan dengan jurang antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.
- 2** Ekonomi Malaysia masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi sebenar. Penggunaan sumber dan bakat perlu dioptimumkan bagi menghasilkan nilai ditambah yang tinggi.
- 3** Peralihan daripada ekonomi berintensifkan buruh yang berkemahiran rendah kepada ekonomi berasaskan pengetahuan akan diberi keutamaan.
- 4** Pelaksanaan dasar dan program yang berkesan bagi memastikan rakyat dapat menikmati taraf hidup yang wajar.
- 5** Penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah telah merencatkan matlamat pembangunan Negara.
- 6** Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 sebagai naratif pembangunan baharu Malaysia.

15 PRINSIP PANDUAN



Ekonomi Teragih



Kemakmuran Berterusan



Kesaksamaan Keberhasilan



Pertumbuhan Saksama



Pendekatan Ekonomi Kebutuhan



Ekonomi Politik Berinstitusi



Model Kesepaduan Sosial



Paksi Ekonomi Asia



Demokrasi dan Kestabilan



Integriti dan Tadbir Urus yang Baik



Perpaduan dalam Kepelbagaian



Kedaulatan dan Kelestarian

8 PEMBOLEH DAYA



Kemampuan Fiskal



Modal Kewangan



Keberkesanan Penyampaian Institusi



Tadbir Urus & Integriti



Pendidikan & TVET



Data Raya




Kelestarian



Masyarakat Berpencerahan

KERANGKA KERJA WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030



OBJEKTIF



**PRINSIP
PANDUAN**



**TERAS
STRATEGIK**



PEMBOLEH DAYA

